

KEMENJADIAN PELAJAR BERASASKAN STRATEGI DAN PELAKSANAAN IKLIM DINI: SATU KONSEPTUALISASI

Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

Penulis Koresponden: Raihan Mohd Arifin
raifad5566@gmail.com

Abstrak: Iklim dini diistilahkan daripada persekitaran Islam sesebuah komuniti yang menitikberatkan cara hidup, cara berfikir dan cara bertindak mengikut keperibadian yang diajar dalam Islam. Dimensi utama iklim dalam Islam yang melibatkan persekitaran, penghayatan, dan pengamalan cara hidup masih kurang terdapat teori atau konsep yang begitu jelas. Kertas ini bertujuan untuk mengkonseptualisasikan strategi dan pelaksanaan iklim dini serta pengaruhnya terhadap kemenjadian pelajar di sekolah menengah agama. Kemenjadian pelajar sekolah menengah agama sering dipandang serius oleh masyarakat sebagai contoh teladan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah aliran biasa. Walaupun setiap sekolah mempunyai tujuan yang hampir sama, namun sekolah-sekolah ini lazimnya mempunyai strategi dan pelaksanaan iklim sekolah yang tersendiri. Secara keseluruhannya, kertas konsep ini diharap dapat membantu pihak pelaksana mengenal pasti strategi dan pelaksanaan iklim yang dijalankan oleh sesebuah sekolah agama dalam membentuk kemenjadian pelajar. Pendekatan konseptualisasi melalui analisis dokumen digunakan bagi menghubungkan strategi dan pelaksanaan dengan kemenjadian pelajar. Implikasi dan cadangan untuk kajian masa depan mengenai strategi iklim dini akan dibincangkan secara terperinci.

Kata kunci: Kemenjadian Pelajar, Iklim Dini, Strategi, Pelaksanaan

Abstract: The school's Islamic climate is termed the Islamic environment of a society that emphasizes the way of life, the way of thinking and how to act according to the individuality taught in Islam. The main dimension of climate in Islam that involves the environment, the appreciation, and the way of life is still lacking in a theory or concept. This paper aims to conceptualize the strategies and implementation of school's Islamic climate and its effect on students' outcome in religious high schools. The student outcomes of religious high school are often taken seriously by the community as a role model to secondary school which is not from a religious high school. Although each school has a similar purpose, these schools usually have their own school strategy and implementation. Overall, the concept of this paper is expected to help the implementers identify the strategies and the implementation of climate by a religious school in forming Islamic student identity. Conceptualization approach through document analysis is used to link strategies and execution with Islamic student identity. Implications and recommendations for future research on school's Islamic climate strategies will be discussed in detail.

Keywords: *Student Outcomes, Strategy, Implementation, School's Islamic Climate.*

Cite as: Arifin, R. M. & Mak Teh, K. S. (2019). Kemenjadian pelajar berasaskan strategi dan pelaksanaan iklim dini: satu konseptualisasi. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1),54-63.

Received: 25 November 2018 **Accepted:** 10 June 2019

Pengenalan

Pembentukan sesebuah iklim dan budaya di sekolah banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan suasana sekolah yang kondusif. Kajian awal mengenai iklim sekolah mula dikaji secara sistematik dan empirikal sekitar awal 60- An mengenai suasana organisasi sekolah terhadap pembelajaran dan pembangunan pelajar (Halpin & Croft 1963). Sejak beberapa dekad yang lalu, para penyelidik dan pendidik telah menyedari bahawa konseptualisasi awal iklim

sekolah terlalu ringkas, dan kini mengiktirafnya sebagai satu struktur pelbagai yang mempunyai banyak masalah (Wang & Degol 2015).

Setelah lebih lima dekad kajian berkenaan iklim sekolah dikaji, sehingga kini isu iklim sekolah terus dikaji secara konsisten kerana ia amat penting serta memberi impak yang besar terhadap pelajar, guru, ibu bapa, staf, warga sekolah dan komuniti (Freiberg 1999; Lauren, Louis, & Tony 2017; Wang & Degol 2015). Iklim sekolah juga telah dikenali sebagai peluang untuk meningkatkan pencapaian serta motivasi pelajar dan juga mengurangkan masalah tingkah laku pelajar. Pada asasnya, iklim sekolah dapat membentuk kualiti interaksi pelajar, guru, ibu bapa, dan kakitangan sekolah. Iklim juga mencerminkan norma, matlamat, nilai, hubungan interpersonal dan tujuan yang mewakili misi pendidikan dan sosial yang lebih luas di sekolah (Cohen & Thapa 2017; American Educational Research Association 2013; National School Climate Council 2007).

Hal ini berkait rapat dengan kehidupan seseorang individu dan juga masyarakat. Kajian di barat mendapati *Lesbian, gay, bisexual, and transgender* (LGBT) juga dilihat berpunca daripada pengaruh iklim sekolah dalam kajian McGuire, Anderson, Toomey, & Russell (2010), dan juga Kosciw, Palmer, Kull & Greytak (2013). Kajian juga telah membuktikan bahawa kes buli juga berlaku punca daripada iklim sekolah yang negatif (Usman 2013; Low & Van Ryzin 2014). Stress dan kemurungan juga boleh berlaku kesan daripada iklim sekolah dan juga pengurusan tingkah laku. Kajian longitudinal oleh Malinen & Savolainen (2016) terhadap 642 orang guru sekolah rendah di Finland. Berdasarkan kajian-kajian di barat ini menunjukkan bahawa iklim sekolah memberi pengaruh terhadap semua peringkat, tidak kira pelajar, guru, staf dan lain-lain.

Para sarjana di Malaysia juga berpendapat bahawa iklim sekolah merupakan nadi atau jiwa sesebuah sekolah. Pengaruh persekitaran merupakan elemen penting dalam pembentukan watak, cara berfikir, sikap dan pembangunan para warga sekolah (Mahi 1998; Norhisham 2015; Norhannan 2016, Ridzuan 2017;). Iklim dini merupakan persekitaran Islam yang perlu diberi perhatian dalam membentuk jati diri pelajar sekolah menengah agama. Persekitaran Islam yang baik juga mempengaruhi penghayatan agama dari aspek tingkah laku dan cara hidup (Huda & Azizah 2014). Hal ini mempunyai perkaitan dalam menghasilkan keperibadian unggul serta menghayati nilai dan cara hidup Islam di samping mengejar pencapaian akademik yang cemerlang. Kedua-dua aspek ini sangat diperlukan oleh pelajar masa kini yang di sebut kemenjadian pelajar untuk membentuk generasi rabbani yang seimbang.

Oleh itu, dalam konteks kajian ini melihat kepada strategi dan pelaksanaan yang digunakan untuk melihat kesan terhadap kemenjadian pelajar. Tidak banyak kajian yang ingin melihat iklim sekolah dan hasil keseluruhan terhadap pelajar iaitu dari aspek akademik, tingkah laku, psikologi dan sosial (Wang et al. 2015). Setiap sekolah semestinya mempunyai strategi yang tersendiri dalam membentuk iklim dan budaya sekolah masing-masing. Iklim dan budaya sekolah wujud dari pelbagai faktor. Ia terbentuk hasil daripada warga sekolah itu sendiri berdasarkan peraturan, sikap, hubungan antara warganya, persekitaran fizikal, aktiviti, kurikulum dan sebagainya. Oleh sebab itu, secara tidak langsung setiap sekolah mencipta iklim dan budayanya yang tersendiri mengikut acuan masing-masing. Dengan itu ia memerlukan strategi yang baik dalam merancang dan melaksanakan iklim dini di sekolah.

Kemenjadian Pelajar

Dalam menerajui dunia pendidikan masa kini semestinya kita ingin melihat hasil kepada pelajar terhadap apa yang telah dipelajari. Pada akhir persekolahan, setiap pelajar seharusnya telah mencapai matlamat berdasarkan objektif yang telah ditentukan oleh pihak guru dan sekolah. Kemenjadian pelajar merupakan hasil yang ingin dilihat sehingga tamat persekolahan. Terdapat beberapa pengukuran dan penilaian yang dilakukan terhadap pelajar untuk mendapatkan hasil yang ditentukan (Azmina, Saemah, & Ruslin 2014).

Di negara barat, penghasilan kemenjadian pelajar telah lama digunakan iaitu hampir dua dekad dengan menggunakan istilah *Outcome-Based Education* (OBE) dalam sistem pendidikan di pelbagai peringkat. Kemenjadian pelajar telah diukur dengan menggunakan beberapa pendekatan. Sejarah penyelidikan menunjukkan Afrika Selatan telah mengguna pakai dasar OBE pada awal 1990-An tetapi sejak itu telah dimansuhkan (Donnelly 2007; Allais 2007). Begitu juga Amerika Syarikat telah mengadakan program OBE sejak tahun 1994 yang telah disesuaikan sejak bertahun-tahun. Kemudian, Pada tahun 2005 Hong Kong pula mengamalkan pendekatan OBE untuk universiti-universitinya (Kennedy & Kerry 2011). Seterusnya, Malaysia pula mengambil keputusan untuk melaksanakan OBE dalam semua sistem sekolah awam mereka bermula pada tahun 2008.

Walau bagaimanapun, sejak dari itu pentaksiran terhadap kemenjadian pelajar merupakan satu platform untuk menilai serta mencungkil potensi dan bakat kerjaya pelajar secara holistik ketika meninggalkan alam persekolahan (Mohd Anuar & Rafidah 2013). Penilaian kemenjadian pelajar ini dinilai berasaskan tiga domain utama iaitu akademik, kokurikulum dan juga sahsiah. Penilaian ini adalah untuk mengenal pasti kecenderungan minat dan bakat pelajar sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang yang diminati seperti mana yang telah dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013).

Definisi istilah kemenjadian pelajar amat luas untuk dibahasakan. Dalam kajian ini Kemenjadian pelajar yang dimaksudkan adalah pelajar yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap serta berupaya mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri yang telah digariskan dalam Standard kelima dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang kedua (SKPMg2).

Strategi Aktiviti

Kegiatan aktiviti atau pengisian di sekolah amat penting dalam membentuk jati diri pelajar (Horton & Hunt 1964). Pembentukan jati diri pelajar di sekolah bermula dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah. Aktiviti melibatkan interaksi sosial, komunikasi, dan kerjasama antara warga sekolah tersebut (Bronfenbrenner 1994). Ini secara tidak langsung pelajar dapat mempelajari sesuatu serta menjadi amalan bagi diri mereka jika dilakukan dengan kerap. Aktiviti-aktiviti yang berfaedah dapat membantu perkembangan sosial serta menyuburkan kemahiran yang akan mempengaruhi keperibadian diri dan tabiat seseorang pelajar.

Para cendekiawan Islam juga amat mementingkan aktiviti sebagai strategi untuk membentuk suasana atau persekitaran yang baik dalam kehidupan. Sebagai contoh, aktiviti solat berjemaah di awal waktu, berpuasa sunat, berzikir, bertadarus dan lain-lain aktiviti dapat memupuk pelajar ke arah yang lebih baik dan diredai Allah (Ibnu Khaldun 1967, 1993: Mahi 1998: Norhisham 2015: Ridzuan & Azimah 2017). Seterusnya aktiviti-aktiviti yang diamalkan ini akan menjadi amalan seharian mereka yang secara tidak langsung membentuk tabiat dan akhlak keperibadian yang mulia dalam diri pelajar. Hasil daripada aktiviti yang dijalankan mampu membentuk pelajar lebih berdikari, rasa takutkan Allah, bekerjasama, serta mampu bertindak dalam menyelesaikan masalah hidup dengan baik berlandaskan cara hidup Islam.

Menurut Ibnu Khaldun (1967, 1993) lagi, cara untuk melawan hawa nafsu dan godaan syaitan daripada melakukan perbuatan keji ialah dengan melakukan serta mengamalkan aktiviti seperti berzikir dengan khusyuk dan berpuasa sunat untuk beberapa waktu. Aktiviti ini secara langsung dapat mematikan seluruh tuntutan jasmaniah yang ada dalam diri setiap individu. Oleh itu, jiwa yang sudah dijinakkan dengan zikir dan al-Quran akan lebih dekat dengan Allah yang menjadi roh dalam setiap nafas kehidupan.

Strategi Contoh Teladan

Setiap manusia dilahirkan dengan mempunyai pelbagai kelebihan dan kepakaran tersendiri. Hal ini menjadi contoh teladan atau ikutan bagi orang lain. Dalam Islam banyak menekankan contoh teladan yang baik yang bukan sekadar untuk dikagumi, namun Islam menyarankan contoh teladan yang baik yang perlu diikuti serta diterapkan dalam diri sendiri. sebagai contoh Rasulullah menjadi ikon utama untuk dicontohi dan diteladani dengan akhlak dan keperibadian yang mulia. Islam mengajar umatnya untuk mempelajari serta mengikuti teladan Rasulullah S.A.W sebagaimana Allah berfirman:

“Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi mu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”

(al- Ahzab 32:21)

Remaja atau pelajar amat mudah meniru tingkah laku atau akhlak seseorang yang dikaguminya sama ada secara sedar ataupun tidak. Teguran atau nasihat yang paling sesuai yang patut di tunjukkan kepada pelajar di sekolah adalah melalui tingkah laku atau teladan yang baik. Sebagai contoh, para pelajar masa kini amat mudah untuk meniru gaya percakapan, pemakaian, tingkah laku atau apa-apa sahaja daripada artis atau idola mereka. Ada juga sesetengah pelajar yang suka meniru tingkah laku gurunya sebagai idola mereka. Dari sudut psikologi, jiwa dan perasaan, para pelajar juga mudah terikat dengan gambaran kata-kata dan perbuatan gurunya sama ada yang berbentuk dalaman atau pun luaran. Oleh itu, para pendidik juga perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada pelajarnya kerana ia boleh menentukan sama ada seseorang itu menjadi ke arah yang baik ataupun jahat (Ibnu Khaldun 1967, 1993; Ulwan 2015). Walaupun fitrah semula jadi kanak-kanak bersih, namun jika tiada contoh teladan yang baik dalam persekitaran perkembangan tumbesaran mereka akan mudah terikut dengan gejala yang negatif lagi menyesatkan. Tabiat semula jadi manusia mempunyai baik dan buruk sebagaimana yang di sebut dalam al- Quran surah (al-Balad 90:10)

“Dan telah kami tunjukkan dia dua jalan, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasiqan dan ketakwaan.”

(al-Balad 90:10)

Oleh itu, kejahatan juga merupakan sifat yang paling dekat dengan manusia apabila dia gagal dalam memperbaiki kebiasaannya dan jika tidak hidup dalam suasana atau cara hidup yang telah diajarkan oleh Islam. Hal ini akan memudahkan seseorang itu terjerumus ke jalan yang salah (Ibnu Khaldun 1993). Oleh sebab itu, para pelajar seharusnya didedahkan dengan contoh teladan yang baik sejak dari kecil iaitu bermula di rumah seterusnya di sekolah dengan mendapat contoh didikan yang sempurna demi membentuk generasi rabbani di masa akan datang. Oleh itu, Pendekatan ini merupakan salah satu cara untuk memupuk akhlak yang baik dalam kalangan para pelajar di sekolah. Pendidikan melalui teladan adalah antara kaedah yang paling berkesan dalam mendidik akhlak, psikologi, dan sosial pelajar (Ulwan 2015).

Strategi Amali dan Kebiasaan

Strategi amali merupakan sesuatu perbuatan yang dikerjakan oleh seseorang sehingga menjadi amalan dan kebiasaan dalam perbuatannya. Strategi amali ini memerlukan perancangan, pelaksanaan dan perancangan yang jelas sebelum melakukannya. Strategi ini amat dititikberatkan dalam teori Ibnu Khaldun (1967, 1993) kerana perilaku atau perbuatan persekitaran sekeliling akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak para pelajar. Selain perbuatan, peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar juga akan mempengaruhi amali mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, secara tidak langsung pelajar juga akan mencontohi amali yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya. Sebagaimana dalam kitab mukadimah halaman 86:

“Menurut kadarnya jiwa itu dipengaruhi untuk pertama kalinya oleh salah satu daripada kedua-dua sifat (baik buruk) tersebut. Jiwa itu menjauhi daripada satu sifat lainnya dan mendapati amat sukar untuk mendapatkannya. Apabila kebiasaan berbuat kebaikan terbentuk buat pertama kalinya ke dalam jiwa seseorang yang baik, dan jiwanya akan terbiasa dengan kebajikan. Maka orang tersebut akan menjauhkan dirinya daripada perbuatan buruk dan berasa sukar untuk melakukan apa-apa yang bersifat jahat. Hal yang sama berlaku dengan orang yang jahat.”

Walau bagaimanapun, proses mentarbiahkan pelajar untuk membentuk akhlak yang baik memerlukan usaha yang berterusan serta membuat latihan amali supaya dapat membiasakan diri dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi segala sifat yang terkeji (al-Attas 1980; Ghazali 1997). Justeru, untuk mengenal keaiban diri ialah dengan sentiasa bermuhasabah dan membuat refleksi diri untuk menyemak kembali apa yang telah dibuat sepanjang hari serta mengamalkan amalan-amalan harian seperti berzikir, membaca al-Quran dan memahami pengertiannya, qiamullail dan sebagainya. Amalan-amalan ini merupakan salah satu cara untuk mencapai akhlak yang baik. Jika semua perbuatan dan tingkah laku dalam Islam dijadikan sebagai amalan harian para pelajar dan warganya di sekolah, sudah tentu akan wujud iklim dini yang baik sebagaimana dalam surah (As-Shams 91:7-10).

“Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasiqan dan ketakwaan nya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, Dan Sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya”.

(As-Shams 91:7-10)

Ayat al-Quran tersebut jelas menyatakan bahawa fitrah semula jadi manusia dijadikan ada dua jalan iaitu baik dan jahat. Sesungguhnya manusia itu sendiri yang memilih jalan atau cara hidup mereka masing-masing dengan berpandukan didikan dan persekitaran yang terbina. Manusia itu sendiri boleh mengubah secara keseluruhan dalam dirinya melakukan sama ada amalan baik atau pun buruk bergantung kepada persekitaran dan pergaulannya. Kesimpulannya manusia diciptakan dalam keadaan bersedia menerima kebaikan dan kejahatan. Sekiranya pendidikan yang baik diterimanya oleh anak, maka anak tersebut akan membesar dengan keimanan, akhlak mulia, dan cintakan kebaikan seterusnya menjadi generasi rabbani yang cemerlang di dunia mahupun di akhirat.

Pelaksanaan Iklim Dini Sebagai Pemangkin Generasi Rabbani

Kepimpinan

Sekolah merupakan institusi organisasi sosial yang terdiri daripada pelajar, guru, pentadbir, dan pelbagai jenis kakitangan perkhidmatan. Setiap ahli kumpulan ini mempunyai perwatakan dan cara berfikir yang berbeza. Jika hubungan antara organisasi ini dapat difahami dan diterima secara umum antara satu sama lain, organisasi iklim sekolah akan berfungsi dengan berkesan. Secara operasinya, organisasi pendidikan ini merupakan proses interaksi antara satu sama lain di sekolah. Setiap organisasi pendidikan mempunyai iklim dan pengaruh tingkah laku yang berbeza dari setiap sekolah (Sergiovanni 2007). Oleh itu, keberkesanan sekolah adalah bermula dengan kekuatan kepimpinan, iklim sekolah yang baik dan komunikasi berkesan (Kelley, Thornton & Daugherty (2005). Kepimpinan amat berkait rapat dengan iklim dini di sekolah. Peranan kepimpinan yang kuat dan jelas amat mempengaruhi tingkah laku warganya dari aspek matlamat yang jelas, perancangan strategi dan pelaksanaan, serta penilaian tentang sesuatu perkara.

Kepimpinan amat berkait dengan program atau aktiviti yang dilakukan di sekolah, tanggungjawab guru terhadap pelajar, serta hubungan antara komuniti sekolah. Setiap sekolah mempunyai visi dan misi yang berbeza bergantung kepada kepimpinan sekolah tersebut. Peranan utama pemimpin adalah menentukan misi, visi dan inspirasi serta matlamat yang hendak dicapai. Oleh yang demikian, misi dan visi sekolah harus jelas serta menjurus kepada perkara-perkara yang berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran pelajarannya untuk menentukan tujuan dan pegangan yang menjadi panduan kepada segala aspek tindakan dan aktiviti warga organisasi itu. Oleh itu, elemen kepimpinan, pembelajaran kurikulum yang baik serta sikap komuniti secara tidak langsung menentukan pencapaian akademik mahupun sahsiah pelajar demi membentuk generasi rabbani yang baik serta berlandaskan cara hidup Islam.

Persekitaran Fizikal

Persekitaran fizikal merupakan suasana sekolah yang mencerminkan ciri keislaman yang sebenar yang menekankan perkembangan akal dan fizikal serta pemantapan rohani. Persekitaran sekolah yang bersih, selesa, dan selamat akan memberi peluang kepada warga sekolah menikmati kualiti hidup yang lebih baik serta mewujudkan pelajar lebih produktif dan berwawasan (Zakaria & Munawwar 2012; Mahi 1998).

Kajian di negara barat lebih empat dekad telah membuktikan bahawa persekitaran fizikal memainkan peranan yang sangat penting dalam membina budaya, membentuk watak, pemikiran, sikap dan pembangunan manusia itu sendiri (Weinstein 1979). Kajian tersebut telah menunjukkan kesan terhadap pencapaian pelajar. persekitaran fizikal juga dipengaruhi oleh perspektif ekologi iaitu suasana di sekelilingnya yang akan membentuk keperibadiannya. Jika persekitaran mereka berbentuk Islamik yang akhirnya akan menjadi satu budaya yang sehati dalam jiwanya dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, elemen ini perlu diterapkan kepada pelajar untuk menghasilkan kemenjadiannya dalam membentuk generasi rabbani yang berlandaskan syariat Islam.

Hubungan dengan Komuniti

Hubungan dengan komuniti boleh didefinisikan sebagai kualiti hubungan antara anggota sekolah (guru, pelajar, pentadbir, dan staf) yang mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku dan pencapaian pelajar (Halstead 2004; Gunbayi 2007). Hubungan antara pelajar dan guru mempengaruhi hubungan mereka di dalam kelas, harga diri, dan gred. Aspek masyarakat iklim sekolah merujuk kepada kualiti hubungan di dalam sekolah. Ia juga termasuk jaringan sekolah,

menghormati antara satu sama lain, dan perkongsian dengan anggota masyarakat lain (Wang & Degol 2015).

Pembentukan iklim sekolah menitik beratkan tingkah laku masyarakat di sekeliling. Ibnu Khaldun (1993) menitikberatkan amali iaitu tingkah laku bermasyarakat kerana perilaku atau perbuatan masyarakat akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak para pelajar. Peristiwa yang berlaku di sekeliling pelajar akan mempengaruhi tingkah laku amali mereka. Sekiranya mereka berada dalam situasi yang baik, maka pelajar lain juga akan mencontohi amali yang baik tersebut dan begitulah sebaliknya.


Secara rumusannya, komuniti merupakan persekitaran individu yang tinggal di sesuatu tempat dan saling berinteraksi antara satu sama lain yang melibatkan hubungan kerjasama antara manusia, yang memungkinkan berlakunya perubahan tingkah laku. Persekitaran ini melibatkan unsur kerjasama, bantu-membantu, perkongsian idea, dan perasaan saling berkasih sayang antara satu sama lain.

Kerangka Konsep Strategi dan Pelaksanaan Iklim Dini

Dalam kajian ini, penyelidik telah memasukkan tujuh dimensi yang melibatkan strategi dan pelaksanaan iklim dini serta membincangkan sokongan kerangka konsep tersebut. Dimensi-dimensi ini wujud daripada kajian-kajian lepas berasaskan daripada pemikiran atau sudut pandang daripada cendekiawan Islam dan juga barat. Dimensi ini memberi tumpuan kepada dimensi iklim sekolah dan melihat kemenjadian pelajar yang paling relevan dan sesuai dengan konteks masyarakat di Malaysia.

Kerangka konsep kajian ini dihasilkan agar dapat membentuk satu konsep strategi iklim dini berdasarkan pandangan pemikiran berkaitan persekitaran Ibnu Khaldun (1967, 1993) dan juga kajian iklim sekolah dari penyelidik barat dalam membentuk kemenjadian pelajar. Kerangka konsep ini juga telah diadaptasi daripada kajian Norhisham & Azmil (2017), Ridzuan & Azimah (2017), Raihan & Abdul Hakim (2015) seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Kerangka Konsep Strategi Dan Pelaksanaan Iklim Dini



Implikasi

Pengukuran iklim sekolah amat kurang jelas dalam definisi, model dan taksonomi yang digunakan oleh setiap sekolah. Kebanyakan sekolah di Malaysia masih kurang memandang isu iklim sekolah sebagai faktor yang penting dalam membentuk kemenjadian pelajar sebagai generasi rabbani di masa akan datang.

Kajian-kajian di barat sehingga kini memandang iklim sekolah sebagai punca atau faktor penting dalam membentuk acuan seseorang individu sepertimana masalah *Lesbian, gay, bisexual, and transgender* (LGBT) juga dilihat berpunca daripada pengaruh iklim sekolah dalam kajian McGuire et. al, (2010). Dalam kajian tersebut jelas membincangkan berkaitan pengaruh iklim sekolah juga mampu memberi kesan negatif kepada para pelajar selepas alam persekolahan.

Penambahbaikan dalam pengukuran iklim sekolah perlu diselaraskan agar setiap sekolah mempunyai tatacara atau panduan yang jelas dalam mentadbir urus sesebuah sekolah. Hal-hal yang terdapat dalam pemboleh ubah ini perlu di kaji serta di teliti dengan lebih baik agar dapat dikonseptualisasikan dan diukur sebagai pembinaan pelbagai dimensi yang menarik dari pelbagai perspektif (guru, pelajar, staf, komuniti dan lain-lain). Iklim sekolah juga mampu memberi respons terhadap karakter seseorang individu dalam kelompok komuniti sekolah yang mana mampu menghasilkan outcome yang berbeza-beza (Rudasill et. al 2017).

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan iklim sekolah ini amat penting dan perlu diteruskan pengkajian untuk melihat banyak lagi pengaruh-pengaruh lain kesan daripada iklim sekolah seperti pencapaian akademik, masalah tingkah laku buli di sekolah, kemurungan, masalah 'transgender', dan banyak lagi.

Kesimpulan

Diharap kajian strategi dan pelaksanaan iklim dini di sekolah ini dapat memberi definisi serta model yang jelas dalam membentuk iklim sekolah yang baik. Kajian ini dibina berdasarkan model-model lepas dan juga kajian-kajian empirikal dari pengkaji-pengkaji timur dan barat supaya dapat diaplikasikan di sekolah-sekolah di Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk Islam.

Konseptualisasi iklim dini yang jelas sangat diperlukan dalam membina kesahan dan kebolehpercayaan konstruk untuk digunakan dalam model ini. Di harap dengan adanya data-data secara rekod lapangan dan juga ujian statistik ini dapat memberi panduan konsep iklim sekolah yang jelas dalam mentarbiahkan generasi rabbani untuk kepimpinan pada masa akan datang.

Rujukan

- Al-Quran al- Karim.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). The Concept of Islamic Education. *The Keynote Address Delivered at the First World Conference on Muslim Education*, 16.
- Allais, Stephanie (2007). "Education service delivery: the disastrous case of outcomes-based qualifications frameworks". *Progress in Development Studies*. 7 (1): 65–78.
- American Educational Research Association (2013). Prevention of bullying in schools, colleges and universities: research report and recommendations. Washington, DC: American Educational Research Association.
- Azmina Ahmad, Saemah Rahman, & Ruslin Amir. (2014). Keberkesanan Modul IDEA-i Terhadap Kemahiran Daya Tindak dan Kemenjadian Murid. *Proceeding of the Social Sciences Research*, 685–689.
- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological Models of Human Development. *international encyclopedia of education*, 3(2nd Ed). Oxford. Elsevier Sciences. 37–43.

- Cohen, J., & Thapa, A. (2017). School climate improvement: what do U.S. educators believe, need and want? *International Journal on School Climate and Violence Prevention*, 2(1), 90-116.
- Donnelly, Kevin (2007). "Australia's adoption of outcomes-based education – a critique" (PDF). *Issues in Educational Research*.
- Freibergh, H.J (1999). *School Climate: Measuring, Improving, and Sustaining Healthy Learning Environments*, Falmer Press, Philadelphia, PA.
- Ghazali Darusalam. (1997). *Dinamika ilmu akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Gunbayi, Ilhan. (2007). School climate and teachers' perceptions on school climate factors: Research into Nine Urban High Schools. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. 6(3), 70-78.
- Halpin, A.W., & Croft, D. B. (1963). *The organizational climate of schools*. Chicago: Midwest Administration Centre of the University of Chicago.
- Halstead, J. M. (2004). An Islamic concept of education. *Comparative Education*, 40(4), 517–529.
- Horton P.B., Hunt C.L. (1964). *Sociology*. USA, McGraw-Hill Book Company.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1967). *The Muqaddimah: an introduction to history*. Translated and introduced by Franz Rosenthal. New Jersey. Princeton University Press.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1993). *Mukadimah Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelley, R. C., Thornton, B., & Daugherty, R. (2005). Relationships Between Measures of Leadership and School Climate. *Education*, 126(1), 17–25.
- Kennedy & Kerry (2011). "Conceptualising quality improvement in higher education: policy, theory and practice for outcomes-based learning in Hong Kong". *Journal of Higher Education Policy & Management*. 33 (3): 205–218.
- Kosciw, J. G., Palmer, N. A., Kull, R. M., & Greytak, E. A. (2013). The Effect of Negative School Climate on Academic Outcomes for LGBT Youth and the Role of In-School Supports. *Journal of School Violence*, 12(1), 45–63.
- Lauren N. Gase, Louis M. Gomez, & Tony Kuo (2017). Relationships Among Student, Staff, and Administrative Measures of School Climate and Student Health and Academic Outcomes. *Journal of School Health* 87(5): 319-328
- Low, S., & Van Ryzin, M. (2014). The moderating effects of school climate on bullying prevention efforts. *School Psychology Quarterly*, 29(3), 306–319.
- Mahi Din Sari. (1998). Iklim Dini di Sekolah. *Jurnal Dakwah* 1 (1): 33-47.
- Malinen, O. P., & Savolainen, H. (2016). The effect of perceived school climate and teacher efficacy in behavior management on job satisfaction and burnout: A longitudinal study. *Teaching and Teacher Education*, 60, 144–152.
- McGuire, J. K., Anderson, C. R., Toomey, R. B., & Russell, S. T. (2010). School Climate for Transgender Youth: A Mixed Method Investigation of Student Experiences and School Responses. *Journal of Youth and Adolescence*, 39(10), 1175–1188.
- Mohd Anuar Abdul Rahman & Rafidah Manap. (2013). Persepsi Guru Kelas Terhadap Kemenjadian Murid. *Jurnal of Educational Management*, 38(2), 1-9.
- Muijs R.D. (2004). *Doing Quantitative Research in Education*. London. Sage Publications Ltd.
- National School Climate Council. (2007). *The school climate challenge: narrowing the gap between school climate research and school climate policy, practice guidelines and teacher education policy*.

- Norhannan Ramli. (2016). Prestasi Guru Pendidikan Islam Berasaskan Daya Kekuatan Dalaman, Kepimpinan Pengetua Dan Iklim Sekolah. Tesis PHD UM. Tidak diterbitkan.
- Norhisham Muhamad & Azmil Hashim (2017). Pelaksanaan Biah Solehah dan Kesan Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar di SMKA. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 8(1), 25-43.
- Norhisham Muhamad. (2015). Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). UPSI. Tesis PHD UPSI. Tidak diterbitkan.
- Nurul Huda & Azizah. (2014). Membangunkan Penghayatan Agama Di Kalangan Kanak-Kanak: Analisis Pandangan Abdullah. *International Research Management and Innovation Conference*, 93–103.
- Raihan Mohd Arifin & Abdul Hakim Abdullah. (2015). Pelaksanaan Iklim Dini dan Hubungannya Dengan Prestasi Sekolah. *Prosiding Sosial Sains, Postgraduate Research Conference 2015, FESP, Unisza*.
- Ridzuan Ahmad & Azimah Abdullah. (2017). “Iklim dini” dan tahap penghayatan dalam kalangan guru pelatih IPGKSAH: satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan Khazanah*, (jld 19) IPG Kampus Sultan Abdul Halim.
- Rudasill, K. M., Snyder, K. E., Levinson, H., & Adelson, J. L. (2017). Systems View of School Climate: A Theoretical Framework for Research. *Educational Psychology Review*, 10, 1-26.
- Sergiovanni, T.J. (2007). *Rethinking Leadership*. Thousand Oaks, Ca. Corwin Press.
- Ulwan, Abdullah Nasih. (2015). *Tarbiyah al-Aulad fi Al-Islam*. Kaherah: Dar al Salam
- Usman, I. (2013). Kepribadian, Komunikasi, Kelompok Teman Sebaya, Iklim Sekolah dan Perilaku Bullying. *Humanitas*, 10(1), 49–60.
- Wang, M. T., & Degol, J. L. (2015). School Climate: A Review of the Construct, Measurement, and Impact on Student Outcomes. *Educational Psychology Review*. 28, 315-352.
- Weinstein, C. S. (1979). The Physical Environment of the School: A Review of the Research. *Review of Educational Research*, 49(4), 577–610.
- Zakaria Stapa & Ahmad Munawar Ismail. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155–172.